

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NASIONAL

BH m/s 8 Nasional 26/6/2025 (Khamis)

MoF, KKM bekerjasama atasi kos penjagaan kesihatan

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (MoF) dan Kementerian Kesihatan (KKM) menubuhkan Jawatankuasa Bersama Peringkat Menteri untuk Kos Penjagaan Kesihatan Swasta (JBMKKS) dalam usaha meneruskan pembabitkan pelbagai pihak berkepentingan bagi menangani peningkatan kos penjagaan kesihatan swasta dan inflasi perubatan.

Dalam satu kenyataan bersama, MoF dan KKM berkata, jawatankuasa yang mengadakan mesyuarat pertamanya kelmarin, akan menyelaras pendekatan menyeluruh untuk merangka dan melaksanakan

langkah secara kolaboratif, sejajar dengan penjagaan kesihatan berasaskan nilai (*value-based healthcare*).

JBMKKS dipengerusikan bersama Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan dan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, dengan keanggotaan terdiri daripada wakil MoF, KKM dan Bank Negara Malaysia (BNM).

Jawatankuasa itu akan disokong Majlis Perundangan yang memberikan input dan nasihat teknikal.

Menurut kenyataan itu, majlis berkenaan dianggotai wakil

utama dalam ekosistem penjagaan kesihatan swasta, termasuk hospital swasta, profesional kesihatan, penyedia insurans dan pengendali Takaful, kumpulan advokasi pengguna serta pihak akademik.

Amir Hamzah berkata, peningkatan kos penjagaan kesihatan menjadi kebingungan utama rakyat Malaysia dan Kerajaan MADANI mengambil langkah proaktif untuk menangani isu berkenaan.

"Jawatankuasa bersama ini mencerminkan komitmen kita untuk bekerjasama dengan semua pihak berkepentingan dalam membentuk sistem pen-

jagaan kesihatan swasta yang mampan, telus dan benar-benar memberi nilai.

"Pada dasarnya, ini adalah tentang melindungi kesejahteraan rakyat Malaysia dan mengukuhkan daya tahan negara kita," katanya.

JBMKKS dibina atas usaha yang dijalankan sebelum ini, termasuk pelaksanaan keperluan pembayaran bersama (*co-payment*) BNM, langkah interrim bagi mengurangkan impak pelarasan premium perubatan kepada pemegang polisi yang terkesan pada 2024 hingga 2026, serta kerangka RESET.

RESET merangkumi lima

teras strategik untuk menangani inflasi perubatan, iaitu menyusun semula Insurans/Takaful Perubatan dan Kesihatan (MHIT), meningkatkan ketelusan harga, memperkuh ekosistem Kesihatan Digital, mengembangkan pilihan penjagaan kos efektif dan menyusun semula pembayaran penyedia perkhidmatan kesihatan.

RESET mendapat sokongan yang meluas daripada MoF, KKM, BNM dan pihak industri yang utama sebagai kerangka strategik untuk menangani peningkatan kos penjagaan kesihatan dan insurans swasta.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : NASIONAL

Tutup pintu sempadan, elak cecair dadah masuk pasaran tempatan

Lindungi generasi muda daripada ambil bahan terlarang

Oleh NOR SYAZRINA MUHAMAD
TAHIR dan MOHD FAIZUL HAIKA
MAT KHAZI
SHAH ALAM

Cadangan menutup pintu sempadan negara bagi tujuan menghalang kemasukan cecair vape yang mengandungi bahan terlarang perlu dilaksanakan untuk melindungi golongan muda.

Pengarah Urusan Nanostix Innovations Sdn Bhd (Nanostix), Shahabudeen Jalil berkata, aktiviti jualan di pintu masuk sempadan negara yang tidak terkawal berisiko merosakkan generasi muda.

Beliau mendakwa, kekurangan mengawal selia dan ketirisan di pintu sempadan menjadi punca sehingga membolehkan cecair daripada bahan terlarang mudah disebarkan sehingga menyebabkan sesetengah pihak membuat tuduhan terhadap industri vape.

"Penentangan terhadap industri baharu seperti ini akan sentiasa ada. Peranan penggubal undang-undang sama ada ahli Parlimen ataupun pegawai kerajaan perlu sentiasa mengikut undang-undang supaya ia tidak terlepas daripada tangan kita.

"Jalan penyelesaian terbaik adalah dengan menutup pintu sempadan negara



Foto: ASRIL ASWANDI SHUKOR

Dari kiri: Ismail, Ahmed Razman, Shahabudeen dan Armin Baniaz ketika wacana bertajuk 'Vape: Kawal Selia atau Haram Sahaja?' yang diadakan di Studio F, Karangkraf pada Khamis.

kerana kita tahu cecair tempatan tidak ada yang dimasukkan dadah, disalah guna, dimasukkan bahan terlarang kerana semuanya datang dari luar.

"Kedua, saya percaya cecair terlarang bukan dijual di kedai vape tetapi di jalanan, pasaran gelap atau dalam talian. Tidak dinafikan kita lemah dari segi penguatkuasaan, jadi kita saran pintu import ditutup," katanya dalam Wacana bertajuk Vape: Kawal Selia atau Haram Sahaja? di Studio F, Karangkraf, di sini pada Khamis.

Wacana itu juga turut menampilkan Pengarah Program Sarjana Pentadbiran Perniagaan Putra Business School, Profesor Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff dan Presiden Gerakan Ekonomi Malaysia, Dr Armin Baniaz Pahamin serta Ismail Adnan selaku moderator.



SHAHABUDEEN

Beliau berpendapat, cadangan itu perlu disusuli dengan mengawal selia beberapa syarikat tempatan dengan kerjasama agensi kerajaan untuk mengelakkan cecair tersebut dicampur bahan terlarang.

Menurutnya, dengan kaedah tersebut, kerajaan, pihak berkuasa dan pemain industri berupaya menjejaki dalang yang bertanggungjawab serta boleh mendakwa mereka di mahkamah.

"Dengan cara itu kita akan lebih terkawal dan dapat tahu siapa yang mengeluarkannya, siapa yang bertanggungjawab dan siapa yang boleh didakwa di mahkamah.

"Bukan sesuatu yang tiba-tiba masuk dari luar negara dan sesuatu jadi dekat seseorang ini, kita nak tahu siapa jual dekat dia bukan sahaja yang jual, siapa yang hasilkan juga.

"Itu yang saya nampak dan perkasakan usahawan tempatan, buat segalanya secara tempatan, jadi duit kita pun tidak keluar dari Malaysia, setidaknya ia masih berpusing dalam negara," ujarnya.

Mengulas berkenaan sekatan penjualan vape secara menyeluruh, beliau berpendapat, ia tidak akan menghapuskan permintaan bekalan, sebaliknya akan menyebabkan kerajaan hilang kawalan terhadap industri berkenaan.

Ujarnya, jika kehilangan kawalan, industri tersebut akan jatuh ke tangan pasaran gelap dan kumpulan tidak bertanggungjawab termasuk sindiket jenayah.

Shahabudeen berkata, situasi tersebut akan menyebabkan kerajaan mengalami kerugian hasil cukai selain ia juga membahayakan keselamatan pengguna.

"Tindakan mengharamkan bahaya untuk masa hadapan, jadi bagi kami dalam industri, perkara ini mudah, kita nak berniaga dengan aman dan harmoni. Apabila kerajaan Persekutuan sudah membuat undang-undang, kami tetap akan ikut.

"Tetapi sekali lagi, persoalan sama ada nak mengharamkan atau tidak, ini sudah kurang relevan," jelas beliau.

Bagaimanapun, Shahabudeen menyatakan kerajaan negeri juga perlu memperkenalkan peraturan tertentu mengikut kesesuaian negeri dan tidak melangkaui bidang kuasa yang ditetapkan.

Jelasnya, industri vape tidak berniat untuk melanggar peraturan, sebaliknya mahu bekerjasama dengan semua pihak demi kelangsungan industri secara sah.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : NASIONAL

Industri vape sumbang RM3 bilion, bukan angka kecil

SHAH ALAM -

Sumbangan industri vape negara yang dianggarkan bernilai lebih RM3 bilion setahun bukan satu angka kecil, walaupun hanya mewakili kurang daripada 0.5 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Pengarah Program Sarjana Pentadbiran Perniagaan Putra Business School, Profesor Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff berkata, jumlah tersebut menyamai hampir satu perempat daripada keseluruhan nilai Sumbangan Tunai Rahmah (STR) sebanyak RM13 bilion.

"Memang dari segi peratusan

**AHMED RAZMAN**

terhadap KDNK nampak kecil, tetapi kuantum RM3 bilion itu besar. Ia boleh dimanfaatkan oleh mana-mana kerajaan untuk melaksanakan pelbagai inisiatif membantu rakyat," katanya.

Beliau berkata, industri itu berkembang pesat, Malaysia kini menjadi antara pasaran utama bagi negara pengeluar seperti China, sekali gus menunjukkan potensi ekonomi yang besar jika dikawal selia secara menyeluruh.

Bagaimanapun, katanya, kawal selia perlu ditambah baik bagi mengelak produk tidak selamat menembusi pasaran tempatan selain memastikan industri tidak menjadi medan kepada penyalahgunaan bahan terlarang.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : NASIONAL

Kawal selia ketat, lebih baik daripada haramkan terus vape

SHAH ALAM - Cadangan kerajaan untuk mengharamkan vape secara mutlak bukan hanya kurang realistik dan berpotensi memberi kesan negatif besar terhadap ekonomi, kesihatan awam serta kawalan pasaran.

Presiden Gerakan Ekonomi Malaysia, Dr Armin Baniaz Pahami berkata, pengharaman mutlak akan menelan kos penguatkuasaan sehingga RM282 juta setahun serta memerlukan penglibatan pelbagai agensi termasuk polis, kastam dan kementerian berkaitan.

"Kos tinggi ini hanya untuk mengawal larangan yang belum tentu berkesan. Tambahan pula, pasaran gelap dijangka melonjak hingga RM564 juta jika vape diharamkan," katanya.

Berikutan itu, Armin Baniaz memberi amaran bahawa larangan akan membuka ruang kepada penyeludupan serta penjualan produk tidak sah, sekali gus menjejaskan kutipan cukai negara.

Sebagai alternatif, Armin Baniaz mencadangkan kawal selia ketat terhadap industri vape termasuk had umur, kawalan kandungan nikotin, pelabelan amaran kesihatan dan larangan produk tiruan.

Menurutnya, model kawalan seperti di United Kingdom berjaya mengurangkan jumlah perokok melalui penggunaan vape sebagai alat sokongan berhenti merokok.

Beliau juga menegaskan bahawa perbincangan mengenai vape perlu melihat kepada aspek ekonomi, penguatkuasaan dan kebajikan rakyat, bukan semata-mata isu moral atau kesihatan.

"Pendekatan kawal selia jauh lebih praktikal dan mampan. Tanpa kawalan, pengguna terdedah kepada produk tiruan yang lebih berbahaya dan kerajaan pula kehilangan hasil penting," tegasnya.



ARMIN BANIAZ

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 11
RUANGAN : LOKAL

Harian Metro m/s 11 Lokal 26/6/2025 (Khamis)

DIJUAL BERLELUASA TANPA HAD DALAM MEDIA SOSIAL

Vape perisa dadah sintetik

Oleh Skuad Khas Harian Metro
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kegiatan menjual cecair rokok elektronik atau vape berperisa dadah sintetik yang kononnya mampu memberi kenikmatan berganda dalam kalangan penghisap bahan itu dikesan dijual secara meluas dan berleluasa hanya dalam media sosial.

Dikenali sebagai *magic mushroom*, penggemar dadah sanggup menghabiskan wang mendapatkan bahan itu pada harga tinggi dalam pasaran gelap di internet.

Walaupun sebelum ia banyak digunakan penagih dadah tetapi kini pelajar sekolah turut dikesan mengambil bahan itu bagi melepas gien.

Perlu diingat, bahan cecair dadah itu tidak dijual secara terbuka seperti di kedai atau premis menjual peranti dan perisa vape biasa sebaliknya hanya dipromosikan serta dijual dalam media sosial.

Kedai atau premis menjual peranti dan perisa vape tidak menjual bahan berkenaan kerana ia dikawal selia pihak berkuasa.

Penjual haram dalam talian ini sering menggunakan ayat 'urin lepas' yang bermaksud pengambilan dadah sintetik itu menggunakan peranti dan perisa vape tidak akan meninggalkan kesan dalam air kencing sekiranya menjalani ujian urin.

Walaupun Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sudah menyuarakan kegusaran mengenai isu itu, dapatan Harian Metro mendapati cecair dan peranti vape ini masih dijual secara berleluasa dalam talian tanpa sebarang kawalan kepada pembeli termasuk remaja bawah umur.

Langkah menutup kedai atau premis menjual peranti dan perisa vape bukan tin-

dakan terbaik kerana peranti atau perisa vape yang dijual mereka langsung tidak mengandungi sebarang dadah sintetik atau sebarang bahan terlarang.

Bagi membuktikan dakwaan vape berperisa dadah sintetik ini wujud, wartawan membuat tinjauan di WhatsApp dan Facebook dan hasilnya, terdapat sekurang-kurangnya 10 laman menjual dan mempromosikan jenama cecair vape itu serta dijual pada harga RM200 untuk lima militer hingga mencapai RM14,000 untuk satu liter.

Ada penjual menawarkan harga lebih murah untuk botol kecil pada harga RM50 hingga RM100 dan pesanan dihantar melalui kurier.

Memburukkan senario, pada masa ini dikatakan berlakunya trend segelintir pengguna vape mencampurkan perisa *magic mushrooms* mengandungi dadah sintetik yang berbahaya hingga boleh menyebabkan gejala keracunan teruk dan berpotensi membawa maut.

Perisa *mushroom* berasal daripada spesies cendawan dalam genus *Psilocybe* yang mengandungi bahan aktif utama *psilocybin* iaitu sejenis halusinogen yang sangat kuat.

Pengambilan bahan ini me-

nyebabkan penggunaanya berhalusinasi, berasa seronok yang melampau dan tidak sedarkan diri sepenuhnya.

Malah dikatakan pengguna yang menyedut perisa *mushroom* ini akan merasakan seolah-olah seperti berada dalam dunia khayalan dengan kesan itu dikatakan boleh berubah-ubah kerana pengaruh faktor persekitaran.

Apa yang menimbulkan kegusaran kerana jualan pelbagai jenis cecair vape secara terbuka, malah siap memamerkan harga dan nombor untuk dihubungi.

Malah, ada juga kumpulan

sebang WhatsApp yang dikongsi secara terbuka dalam platform sosial itu, dijadikan sebagai 'pasar gelap digital' untuk mempromosikan pelbagai jenis cecair perisa vape, tanpa label rasmi dan dipercayai tidak berdaftar.

Antara bentuk penjualan yang dikesan termasuk siaran langsung menunjukkan rak vape, paparan katalog cecair dengan nama perisa pelik seperti 'Mango Gila', 'Salji Grape' dan 'Dew Asap', serta promosi harga borong.


Tinjauan juga mendapati ada peniaga menjual terus kepada pembeli menerusi

sistem tempahan mesej dan penghantaran menggunakan khidmat e-hailing atau kurier, sekali gus menunjukkan aktiviti ini berlaku secara tersusun.

Sebahagian siaran turut disertakan dengan komen daripada akaun remaja yang dipercayai masih bersekolah, menimbulkan persoalan mengenai tahap penguatkuasaan dan kawalan usia pengguna.

Langkah terbaik kerajaan adalah menyekat laman web yang menjual dadah sintetik ini dan ia perlu dilakukan segera.

BAHAN cecair dadah itu tidak dijual secara terbuka seperti di kedai atau premis menjual peranti dan perisa vape biasa sebaliknya hanya dipromosikan serta dijual dalam media sosial.



ANTARA cecair vape berperisa dadah yang dirampas pihak berkuasa.

“Pengguna akan rasa seolah-olah seperti berada dalam dunia khayalan”



AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : NEGARA

KOSMO m/s 16 Negara 26/6/2025 (Khamis)

Ayam direndam air bercampur darah

- DBKL serbu empat premis penyembelihan ayam
- Bekalan ayam untuk diedar sekitar Cheras

Oleh ALANI NIZAM

PETALING JAYA - Sebanyak empat premis penyembelihan ayam yang beroperasi tanpa lesen diarah tutup serta-merta dalam satu operasi bersepadu di sekitar Jalan Semerah Padi dan Jalan Kuari, Bukit Cheras, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Operasi melibatkan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) itu dijalankan susulan aduan berkaitan isu kebersihan dan sijil halal.

Menurut DBKL dalam satu kenyataan, tujuh premis diperiksa dan empat daripadanya dikenakan tindakan tutup serta-merta, manakala lapan notis serta kompaun turut dikeluarkan



PENGUAT kuasa DBKL memeriksa salah satu premis yang kotor ketika proses menyembelih ayam di Bukit Cheras, Kuala Lumpur baru-baru ini.

atas pelbagai kesalahan.

"Antara kesalahan dikesan termasuk penyembelihan tanpa sijil halal, penyembelih tidak berdaftar, lantai dan dinding premis kotor, ayam direndam dalam air kotor bercampur darah, serta sisa dibuang terus ke longkang dan saluran air hujan," katanya.

Menurutnya, premis yang menggaji pekerja asing itu dipercayai membekalkan ayam ke restoran sekitar Cheras dan Kuala Lumpur.

"Pihak JAWI turut mengesahkan terdapat tukang sembelih di premis terbabit yang sudah dibatalkan sijil penyembelihannya.

"Kesemua premis juga didapati gagal mengemukakan bukti suntikan pelalian, sijil kursus pengendalian makanan serta penyelenggaraan perangkat minyak dan penapis sisa," katanya.

Menurut DBKL, pihaknya akan terus memperketat tindakan penguatkuasaan dan penyelarasan struktur terhadap premis yang beroperasi tanpa kelulusan.

"DBKL komited memastikan keselamatan makanan dan kesucian amalan penyembelihan sentiasa terpelihara demi kesejahteraan warga kota," jelasnya.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 23
RUANGAN : WANITA DAN KELUARGA

BH m/s 23 wanita & keluarga 26/6/2025 (Khamis)

Tingkat kesedaran elak kesihatan mental kanak-kanak 'membarah'

Masyarakat diminta lebih peka, prihatin kepentingan penjagaan emosi

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi
bhrencana@bh.com.my

Bukan sekadar tekanan biasa, hampir sejuta kanak-kanak di negara ini kini bergelut dalam senyap akibat masalah kesihatan mental yang makin membimbangkan.

Laporan Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) menunjukkan peningkatan lebih 100 peratus sejak 2019 dengan lebih 922,000 kanak-kanak berusia lima hingga 15 tahun dikesan mengalami gangguan mental pada 2023 berbanding 424,000 pada 2019.

Susulan itu, penting untuk meningkatkan kesedaran masalah mental supaya masyarakat lebih peka dan prihatin terhadap masalah itu, terutama kepentingan penjagaan emosi dan psikologi golongan berkenaan.

Pengasas Kebajikan Bidadari Malaysia, Napsiah Khamis, berkata dalam siri lawatan pihaknya ke beberapa kawasan, beliau mendapati, kes kesihatan mental dalam kalangan kanak-kanak di negara ini adalah serius.

"Isu kesihatan mental ini satu



Napsiah (tengah) dan Pakar Psikologi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Dr Shazli Ezzat Ghazali pada Forum Kesedaran Awal Kesihatan Mental Kanak-Kanak di Hospital Islam Az-Zahrah, Bangi, baru-baru ini. (Foto Alizuddin Saad/BH)

isu yang orang ramai tidak bera-
pa perasaan, termasuk ibu bapa
dan guru di sekolah kerana ia se-
perti *silent killer*.

"Namun, apabila terjadi sepe-
rti kes bunuh diri, kes kelar per-
gelangan tangan, kanak-kanak
tidak mahu ke sekolah tanpa se-
bab atau kes mengandung, baru
akan ada pihak buka mata.

"Sebenarnya semua yang ber-
laku ini adalah berpunca dari-
pada masalah kesihatan mental
kanak-kanak itu sendiri yang
gagal dikesan dan dirawat," ka-
tanya ketika menjadi panel pada
Forum Kesedaran Awal Kesi-
hatan Mental Kanak-Kanak di
Hospital Islam Az-Zahrah, Bangi,
baru-baru ini.

Mengulas lanjut, beliau ber-
kata, masalah ekonomi keluarga
menjadi punca utama berlaku
masalah kesihatan mental ka-
nak-kanak.

Masyarakat tak peduli

Masalah itu menyebabkan ra-
mai kanak-kanak menjadi mang-
sa keadaan hingga ada yang tidak

makan, tidak mahu ke sekolah
dan juga kemiskinan haid.

"Masih ramai masyarakat se-
keliling enggan mengambil tahu
jika ada sebarang masalah sepe-
rti ini berlaku di kawasan mere-
ka kerana menganggap ia tidak
penting.

"Namun, keadaan inilah yang
menyebabkan anak mula menjadi
murung, sekali gus menjejaskan
kesihatan mental mereka.

"Di sinilah peranan masya-
rakat iaitu pertubuhan bukan
kerajaan (NGO), orang sekeliling
serta guru yang dapat mambu-
tu untuk mengenal pasti masala-
h anak-anak ini, terutama di
sekolah," katanya.

Justeru, beliau mencadangkan
supaya kerajaan mewartakan
satu tarikh khas sebagai hari
'Kesihatan Mental Kanak-Kanak
Kebangsaan'.

Beliau berkata, langkah itu
bagi meningkatkan kesedaran
awam terhadap kepentingan pe-
njagaan emosi dan psikologi da-
lam kalangan kanak-kanak.

"Masalah kesihatan mental se-
ring dikaitkan dengan golongan
dewasa, sedangkan kanak-kanak
juga terdedah kepada tekanan
dan gangguan emosi yang me-
merlukan perhatian khusus.

"Apabila wujudnya Hari Ke-
sihatan Mental Kanak-Kanak,
ia membolehkan masyarakat
sadar dan memahami masalah
mental bukan hanya boleh terja-
di kepada golongan dewasa, teta-
pi juga terhadap kanak-kanak,"
katanya turut berharap syor
itu dapat disuarakan di Dewan
Rakyat.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 23
RUANGAN : WANITA DAN KELUARGA

BH 26/6/25 Wanita & Keluarga 26/6/2025 (Khamis)

Kenal pasti petanda awal anak derita emosi

Kanak-kanak seawal usia sembilan tahun kini dikenal pasti sudah mengalami masalah kemurungan, sekali gus menuntut perhatian serius semua pihak, termasuk ibu bapa dan guru.

Pakar Psikologi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Dr Shazli Ezzat Ghazali, berkata guru adalah individu paling hampir yang dapat mengesan perubahan tingkah laku murid di sekolah.

"Jika sebelum ini murid perlahan dan aktif, namun tiba-tiba menjadi pendiam, murung atau kelihatan tidak terurus, itu mungkin petanda awal kemurungan.

Paling ketara juga boleh dilihat, murid yang sebelum ini cemerlang, tetapi prestasinya menurun mendadak, pasti ada

sesuatu yang tidak kena," katanya turut menjadi panel Forum Kesedaran Awal Kesihatan Mental Kanak-Kanak Forum Kesedaran Awal Kesihatan Mental Kanak-Kanak di Hospital Islam Az-Zahraorom, Bangi.

Beliau berkata, di rumah pula, ibu bapa harus lebih peka dengan tanda awal masalah emosi anak, terutama jika mereka tiba-tiba enggan ke sekolah atau sering memberi alasan seperti sakit kepala dan sakit perut.

"Kemungkinan besar anak sedang berdepan masalah seperti ditiduri, berasa rendah diri atau tidak selesa di sekolah. Ini jika tidak ditangani boleh mendorong kepada kemurungan," katanya.

Beliau menegaskan, hubungan baik antara guru dan ibu bapa sangat penting kerana

kedua-dua pihak memainkan peranan dalam memantau dan menyokong kesihatan mental kanak-kanak.

"Keadaan anak di rumah tidak sama seperti di sekolah. Hanya guru yang tahu tingkah laku mereka di sekolah dan ibu bapa pula memahami anak di rumah.

"Apabila kedua-dua pihak bekerjasama, barulah kita dapat membantu anak-anak keluar daripada kemelut emosi," katanya.

Kaunselor di sekolah

Mengulas lanjut, Dr Shazli berkata, setiap sekolah sepatutnya mempunyai kaunselor yang benar-benar berkelayakan dalam bidang psikologi bagi membantu murid berdepan isu sosial dan mental.

"Ketika ini, masalah sosial

seperti penyalahgunaan dadah dan kecenderungan mencederakan diri semakin membimbangkan. Kesihatan mental dan fizikal harus dilihat sebagai sama penting, tubuh yang sihat akan menyokong minda yang sihat juga," katanya.

Menurutnya lagi, ada pesakit mental yang tersalah mendapatkan rawatan hingga menambah tekanan, malah ada yang cuba membunuh diri.

"Akta ini memang diperlukan kerana masalah kesihatan mental semakin meruncing dan ia dapat mengawal masyarakat supaya mendapat perkhidmatan yang sepatutnya dan yang tepat.

"Sebab itu, saya sedang berusaha untuk mengangkat semula cadangan mewujudkan Akta Psikologi bagi memperkasa profesion ini di Malaysia.

"Pada 2018, akta ini hampir dibentangkan di Parlimen, namun tidak berjaya. Kami akan mengadakan sesi libat urus dengan pihak berkepentingan bagi merealisasikan undang-undang ini," katanya.

Mengulas usaha menangani masalah mental dalam kalangan kanak-kanak, beliau menasihati ibu bapa supaya tidak sesekali menafikan sebarang perubahan tingkah laku yang ditunjukkan anak, walaupun kecil.

"Luangkan masa untuk berbicara dengan anak. Tanyakan masalah yang mereka hadapi.

"Jangan bersikap lepas tangan dan mengharap guru semata-mata. Jika perlu, dapatkan khidmat pakar psikologi untuk memastikan masalah dihadapi anak dapat ditangani secara profesional," katanya.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NEWS

6 News

The star m/s 6 News 26/6/2025 (Khamis)

Upbeat outlook for health industry on rising demand

Attractive valuations, brownfield expansion positives

HEALTHCARE

PETALING JAYA: UOB Kay Hian Research (UOBKH Research) has upgraded the Malaysian healthcare sector to "overweight," citing a combination of compelling valuations, strong earnings momentum and "diminishing policy risk" – with KPJ Healthcare Bhd and Duopharma Biotech Bhd flagged as top picks.

In a sectoral update report, the research house said the industry's earnings are "highly defensive yet attractive, against a backdrop of diminishing policy risk."

"The sector is also supported by structural positives, robust rollouts and resilient domesticated demand," it said.

UOBKH Research noted that the hospital segment, in particular, stands out with an earnings growth forecast of 15.1% this year.

This, it said, is against a backdrop of valuations that are currently trading one standard deviation below the sector's five-year mean price-to-earnings ratio.

It also sees margin tailwinds as both IHH Healthcare Bhd and KPJ are in the early stages of brownfield expansions.

"These positives far outweigh diminishing policy risk," it said.

Beyond hospitals, UOBKH Research also highlighted non-hospital plays such as Alpha IVF Group Bhd and Duopharma Biotech Bhd for their respective growth

"We expect minimal impact from the 6% sales and service tax on private healthcare services for foreigners."

UOB Kay Hian Research

drivers. "Alpha IVF is undertaking exciting regional expansion while Duopharma is expected to see a sharp input cost-led recovery in 2025."

On the policy front, UOBKH Research does not anticipate major disruptions from the planned introduction of a diagnosis-related group (DRG) payment model by year-end, which will initially apply to a "limited set of simple medical conditions".

"As a fixed-rate payment model, DRG represents a shift towards value-based care – a direction private hospitals are already moving towards."

"Hence, we do not expect future DRG rollouts to significantly disrupt the operating landscape," it said.

The research firm also downplayed the potential impact of the new drug price transparency rule for private healthcare facilities.

"We believe the drug price display mandate is unlikely to deter patients from purchasing medications directly from their doctors."

"A more impactful measure would be dispensing separation – where doctors prescribe and pharmacists dispense – but this has yet to be formally considered by the Health Ministry."

Similarly, the research house expects "minimal" impact from the 6% sales and service tax (SST) on private healthcare services for foreigners, which takes effect from July 1, 2025.

"The overall impact is expected to be minimal, as foreign patient revenue accounts for approximately 6% of KPJ's and 1% of IHH's total revenue."

"While foreign patients contribute around 50% of Alpha IVF's revenue, its niche in offering specialised, high-end in vitro fertilisation treatments suggests that demand will likely remain resilient despite the SST expansion."

UOBKH Research named KPJ and Duopharma as its top picks, "driven by the former's multitude of levers to drive robust earnings growth and the latter's expected cost-led recovery in 2025".

"In summary, attractive earnings growth, compelling valuations and ongoing positive structural changes support our 'overweight' rating for the healthcare sector."

"In addition, the sector is highly defensive, insulated from external trade that is at risk of a global economic slowdown."